



UPACARA menandatangani LOI oleh Rosalam, Anthony dan Junaidi.

# UMS kerjasama dengan JKR dan Forever Sabah membangun rawatan kumbahan

UB 24.10.2014 AG

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Forever Sabah dalam usaha membantu membangunkan rawatan kumbahan yang berkualiti tinggi di negeri ini.

Usaha berkenaan disempurnakan dalam majlis Kerjasama Diantara JKR, UMS dan Forever Sabah Kecemerlangan Merawat Kumbahan (JUSFTEX) serta Bengkel dan Acara Menandatangani Surat Niat (LOI) di UMS, kelmarin.

Program berkenaan adalah usaha sama daripada tiga pihak yang bertujuan untuk menyediakan hala tuju strategik dan kepimpinan ke arah memastikan kumbahan mentah di Sabah dapat diatasi dengan sempurna dan mencapai standard kualiti air yang baik.

Di bawah program ini juga, ketiga-tiga pihak bekerja dalam latihan, penyelidikan, pembangunan, cadangan nasihat, kesedaran, kepentingan masyarakat serta perubahan sosial dalam merawat kumbahan.

Pengarah JKR Datuk Dr Ir John Anthony berkata, kerjasama itu juga bertujuan untuk menangani isu-isu masalah berkenaan dengan kumbahan dan pemetungan di Sabah.

“Diharapkan dengan



ANTHONY (kiri) ketika menerima cenderamata.

pelaksanaan usaha ini kita mampu melaksanakan undang-undang dan enakmen yang berkaitan dengan pengurusan pemetungan dan rawatan dalam memastikan pematuhan serta membolehkan aktiviti penguatkuasaan yang bersesuaian dapat dilaksanakan,” katanya.

Anthony berkata, salah satu usaha yang ingin dipraktikkan dalam kerjasama itu adalah peningkatan berterusan terhadap sistem rawatan air sisa selain teknologi dari segi biologi atau mekanikal dan elektrik dalam

menurunkan penggunaan kuasa dan penggunaan teknologi hijau.

Mewakili UMS pada majlis itu ialah Dekan Fakulti Kejuruteraan Prof Ir Dr Rosalam Sarbatly sementara Forever Sabah diwakili oleh Pengarahnya, Datuk Dr Junaidi Payne.

Program berkenaan juga akan memudahkan dan membolehkan kakitangan JKR yang akan mendaftar di UMS, sarjana dan program pengajian ijazah menjalankan penyelidikan yang memberi nilai jangka panjang bagi JUSFTEX.